

10 SEP 2001

Mahathir-Anugerah

MAHATHIR GESA BAGI KEKAYAAN DIAGIH SAMA RATA DIKALANGAN NEGARA

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menerima Anugerah Kecemerlangan Milenium Asean dan dalam ucapannya pada penerimaan anugerah itu, beliau menggesa negara-negara miskin mengemukakan cadangan untuk membentuk dunia yang lebih adil.

Dr Mahathir yang diiktiraf sebagai suara bagi Dunia Ketiga, berkata pengagihan kekayaan yang sama rata boleh dilaksanakan tetapi arah aliran globalisasi sekarang cuma menguntungkan segelintir negara sedangkan negara kaya mempunyai modal untuk merebut peluang daripada pasaran tanpa sempadan.

"Dunia memang kaya dengan sumber, baik kemanusiaan mahupun material. Tiada sebab mana-mana negara harus miskin. Ia memungkinkan kekayaan diagihkan secara lebih adil dan sama rata," kata beliau pada majlis jamuan yang dihadiri oleh 700 tokoh perniagaan dari rantau ini di Hotel Ritz Carlton.

Bekas presiden Singapura Wee Kim Wee menyampaikan anugerah itu, yang diberikan oleh Forum Perniagaan Asean sebagai menghargai usaha Dr Mahathir menjadikan Malaysia sebagai negara contoh dan dinamik serta sumbangannya kepada Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Asean).

Yang turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew juga diberi penghormatan apabila menerima anugerah yang sama kerana peranannya ke arah transformasi Singapura dan sumbangannya kepada Asean.

Dr Mahathir yang menyifatkan anugerah itu sebagai satu lagi penghormatan bagi Malaysia berkata, setakat ini idea mengenai masa depan datangnya dari Barat dan sudah tiba masanya negara-negara miskin dan negara anggota ASEAN mengemukakan idea sendiri.

Perdana Menteri berkata Asean boleh memainkan peranan untuk membentuk orde ekonomi dunia yang lebih adil dengan menjaga kepentingan semua 10 negara anggotanya dan bersatu dalam rundingan pusingan terbaru Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Kita harus mengetahui sepenuhnya tentang kemungkinan dan bahaya yang akan kita hadapi berikutan pelaksanaan peraturan ekonomi antarabangsa yang baru sebelum kita bersetuju bagi rundingan pusingan terbaru WTO, kata beliau.

"Kita hendak tahu dengan tepat bagaimana negara-negara kaya mematuhi perjanjian itu semasa pusingan pertama," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata negara-negara miskin harus diberi peluang dan perlindungan kerana tidaklah realistik untuk mendesak supaya semua pihak mengamalkan dasar dan amalan yang standard kerana perbezaan tahap pembangunan.

Dr Mahathir berkata isu-isu bukan perdagangan seperti standard perburuhan, hak asasi manusia, demokrasi dan buruh kanak-kanak juga tidak kurang penting tetapi harus ditangani pada forum lain dan tidak dikaitkan dengan perdagangan kerana ia akan menimbulkan beban yang berat ke atas negara-negara membangun.

Perdana Menteri mengulangi cadangannya supaya cukai dikenakan ke atas perniagaan antarabangsa yang kaya dan kutipan daripada cukai itu boleh

digunakan untuk membina infrastruktur di negara-negara miskin bagi merangsangkan pembangunan ekonomi.

Apabila menjadi kaya, negara-negara berkenaan akan bersedia untuk membeli barangan dan perkhidmatan dari negara-negara maju yang kaya, kata Dr Mahathir.

Beliau juga menyuarakan kebimbangan bahawa negara-negara tidak lagi akan bersifat bebas, kelihatan kerdil dan dikuasai oleh syarikat-syarikat gergasi disebabkan penggabungan dan pemilikan yang dijalankan.

"Mungkin, ini baik bagi kecekapan walaupun saya meraguinya. Tetapi apabila syarikat menjadi kaya dan lebih besar daripada kebanyakan negara, ia tentu mahu menetapkan syarat-syarat kepada seluruh dunia bagi memenuhi sifat tamak yang tidak terbatas.

"Negara-negara tidak lagi bersifat bebas. Mereka cuma menjadi unit yang memberi khidmat kepada bank dan syarikat besar," kata beliau.

Dr Mahathir juga mengambil peluang untuk mengulangi kepercayaannya kepada Asean yang menurut beliau telah mencapai perpaduan dan keupayaan bagi tindakan bersama sejak ditubuhkan 34 tahun lalu.

Selain mengadakan inisiatif ekonomi seperti Kawasan Perdagangan Bebas Asean dan Kawasan Pelaburan Asean, Dr Mahathir berkata hubung-kait fizikal seperti hubungan kereta api Singapura-Kunming adalah penting untuk meningkatkan lagi integrasi ekonomi.

Ucapan Lee keseluruhannya mencerminkan prospek ekonomi rantau berkenaan yang kehilangan kebanyakan pelaburan terus asing kepada China.

Beliau berkata Asean akan diketepikan kecuali pelabur boleh menggunakan kelebihan pada negara-negara dalam pertubuhan itu untuk menempatkan industri pengeluaran bagi pasaran Asean dan dunia.

Beliau juga berkata Asean boleh secara kumpulan atau individu, menjalin hubungan yang kukuh dengan ekonomi-ekonomi utama bagi meningkatkan perdagangan dan pengaliran pelaburan.

Lee berkata apabila ditawarkan anugerah itu, beliau meminta Kementerian Perdagangan dan Industri mengemukakan komen dan maklumat balas yang diterimanya ialah beliau bersama Dr Mahathir, harus memberi tumpuan kepada kemampuan kepada Asean untuk pulih.

Kementerian Luar Singapura menyatakan bahawa usaha itu memang tidak sia-sia tetapi ia akan mengambil masa, kata beliau.

Lee bagaimanapun berkata perkembangan terbaru memberi harapan sambil menarik perhatian kepada kepimpinan baru di Indonesia, Thailand dan Filipina dan di Malaysia, "Perdana Menteri Dr Mahathir menguasai sepenuhnya pemerintahan."

-- BERNAMA

TCL FAZ PR